

Ruj. Fail : MBSJ.KHP.100-6/1/1()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 5 TAHUN 2021**

Tarikh : 25 Mei 2021 (Selasa)

Masa : 10.00 pagi – 11.35 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Bandaraya Subang Jaya /
Dalam Talian

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN MEI 2021

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Mei 2021.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang kelima bagi tahun 2021. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- ii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iii) Datuk Bandar memaklumkan sejak kebelakangan ini peningkatan kes berkaitan Covid-19 dilihat semakin bertambah dari hari ke hari. Setakat 23 Mei 2021, terdapat sebanyak 512,091 kes yang telah disahkan di Malaysia dengan sebanyak 452,821 kes sudah pulih sepenuhnya dan 2,248 kes kematian serta 57,022 kes masih aktif.

Sejak pertengahan bulan April 2021, PKP dikuatkuasakan sekali lagi oleh kerajaan di beberapa buah negeri yang mempunyai kenaikan semula bilangan kes jangkitan harian. Kemunculan varian-varian baharu yang membimbangkan (*Variants Of Concern* (VOC) amat merisaukan kerana kebanyakan pesakit tidak menunjukkan gejala, malah ujian saringan Covid-19 juga sering mencatatkan keputusan negatif. Varian VOC itu juga merebak dengan lebih cepat sehingga menyebabkan peningkatan yang mendadak. Empat varian COVID-19 yang membimbangkan dikesan di Malaysia iaitu dari United Kingdom (UK), Afrika Selatan, Nigeria dan India.

Sehingga 21 Mei 2021, kadar penggunaan katil ICU bagi menempatkan pesakit Covid-19 secara keseluruhannya di seluruh negara telah mencapai 91%. Manakala di Lembah Klang angka ini telah mencecah 113%.

Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif melaksanakan Program Saringan Secara Percuma kepada rakyat yang tinggal dalam kawasan pentadbiran Selangor. Tujuan saringan diadakan adalah bagi memastikan semua lapisan masyarakat dapat disaring termasuklah individu yang tidak bergejala bagi mengurangkan risiko merebak di tempat kerja dan komuniti. Saringan ini membabitkan 56 Dun mulai 8 Mei sehingga 10 Jun 2021.

Program saringan Covid-19 ini yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor telah dilaksanakan di beberapa DUN kawasan pentadbiran Subang Jaya pada 21 hingga 23 Mei 2021 bermula jam 9.00 pagi sehingga 4.00 petang di 4 lokasi seperti berikut:

TARIKH	DUN	LOKASI	RUMUSAN KEPUTUSAN SARINGAN	
			JUMLAH SARINGAN	KES KEMUNGKINAN POSITIF
21 Mei 2021 (Jumaat)	Seri Kembangan	Dewan Serbaguna Seri Kembangan	2,518	88 (3.49%)
22 Mei 2021 (Sabtu)	Seri Serdang	Dewan PU 7 Puchong Utama	2,473	75 (3.03%)
	Kinrara	Dewan Masyarakat Bandar Kinrara 2	2,435	66 (2.71%)
23 Mei 2021 (Ahad)	Subang Jaya	Laman Sukan USJ 1	5,096	130 (2.55%)

Rakyat Malaysia sememangnya terkenal dengan semangat persaudaraan yang tinggi. Tradisi kunjung mengunjung dan ziarah semoleknya ditangguhkan buat masa ini bagi mengelakkan

jangkitan Covid-19. Sentiasalah beringat supaya tidak menjadi punca jangkitan Covid-19. Jadilah rakyat yang prihatin.

- iv) Maklumat mengenai kes covid-19 di kalangan kakitangan MBSJ juga turut dikongsi. Sebanyak 87 kes positif Covid 19 dilaporkan di kalangan kakitangan MBSJ sejak pandemik ini bermula. Bagi situasi semasa, terdapat 17 kes di kalangan kakitangan MBSJ yang masih aktif.

Setakat ini seramai 590 kakitangan MBSJ telah menerima suntikan vaksin Covid 19 dan daripada jumlah tersebut seramai 572 kakitangan telah menerima 2 dos suntikan vaksin Covid 19.

Pihak Majlis sentiasa mengingatkan semua kakitangan MBSJ dan masyarakat di kawasan pentadbiran MBSJ untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak,Sempit,Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu Wash(kerap basuh tangan / guna *hand sanitizer*), Wear (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), Warn (tidak bersalaman, etika batuk / bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).

- v) Beliau turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga Minggu Epid 20 iaitu sehingga 22 Mei 2021 terdapat sebanyak 774 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Alhamdulillah

tiada lokaliti hotspot denggi dilaporkan selama 7 minggu berturut-turut di kawasan MBSJ

Walaupun bagaimanapun, masyarakat diminta terus meluangkan masa 10 minit seminggu sekali dengan mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam dan sekitar premis masing-masing.

- vi) Datuk Bandar mewakili warga kerja MBSJ turut mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada semua penganut agama Buddha. Raikan sambutan secara bersederhana dan patuhi SOP.
- vii) Datuk Bandar meluahkan rasa ketidakpuasan hati terhadap tindakan pihak Israel kepada penduduk Palestin yang dirasakan tidak wajar serta tidak berperikemanusiaan. Beliau memaklumkan satu tabung Kemanusiaan Palestin akan dilancarkan untuk disekalikan dengan usaha Pihak Kerajaan Negeri supaya kemudahan asas dan kos perubatan dapat disalurkan kepada rakyat Palestin.
- viii) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 4/2021

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2021 bertarikh 28 April 2021 (Rabu) disahkan dengan pindaan seperti berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.4 & m/s 26	Datuk Bandar MBSJ	Notis Usul	Beliau meminta urus setia mesyuarat membuat pindaan bagi perkataan Encik Yap Kok Weng daripada Parti PKR ditukar kepada Parti DAP. Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 4/2021

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2021 bertarikh 28 April 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2021 bertarikh 5 Mei 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.1 & m/s 8	Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Kertas Makluman – Penggunaan Utiliti Balai Masyarakat dan Kabin MPP MBSJ sehingga April 2021	Beliau menyuarakan perkara berikut : i) Mencadangkan agar duit utiliti dimasukkan ke dalam akaun MPP dan pembayaran bil utiliti dilaksanakan oleh MPP bagi mengelakkan pemotongan perkhidmatan utiliti berlaku. ii) Memohon

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				penjelasan berkenaan arahan penutupan lampu limpah di taman.
2.		Encik Teh Eng Teck & Encik Thomas Low Yen Sen		Beliau mencadangkan lampu di taman dibuka bagi memudahkan pihak polis melihat sekiranya berlaku sebarang aktiviti yang mencurigakan atau perhimpunan berlaku di taman.
3.		Encik Wong Yii Seang		Beliau mencadangkan lampu limpah di buka ditaman kerana terdapat penduduk yang melaksanakan aktiviti jogging di taman pada jam 4.00 pagi.
4.				Keputusan Mesyuarat : Masa pengoperasian biasa lampu taman dan lampu limpah adalah dari

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>jam 6.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam.</p> <p>Mesyuarat memutuskan perkara berikut :</p> <p>i) Kaedah pembayaran bil elektrik dan utiliti balai masyarakat dan kabin MPP akan disemak semula bagi melihat cadangan pembayaran bil utiliti tersebut diurus dan dibayar oleh MPP.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p> <p>ii) Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lampu taman dan lampu limbah akan dipadamkan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>lebih awal iaitu pada jam 10.00 malam. Penggunaan akan kembali kepada waktu asal selepas PKP ditamatkan.</p> <p>iii) Bil elektrik bagi lampu limpah dan lampu dewan di asingkan meter bagi memudahkan penilaian kos dibuat.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p> <p>iv) Membuat pemakluman dan hebahan kepada penduduk berkenaan waktu operasi lampu taman dan lampu limpah serta aktiviti yang dibenarkan di</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				taman semasa tempoh PKP. Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 7/2021 bertarikh 28 April 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 8/2021 bertarikh 7 Mei 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 1 & m/s 1	Encik Yap Kok Weng	Projek BP 1 – Subang Jaya Untuk : Cheras Traders Square Sdn. Bhd.	<p>Beliau memaklumkan bahawa Mesyuarat Khas bagi membincangkan projek Cheras Traders Square Sdn. Bhd. tidak dapat dilaksanakan disebabkan PKP.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa MBSJ telah mengumpulkan beberapa maklumat berkaitan dan plot ratio yang dicadangkan oleh pemaju adalah 1:5.</p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang lepas telah memutuskan perkara berikut :</p> <p>i) Alam sekitar iaitu berkenaan jarak</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>dengan gudang;</p> <p>ii) Keperluan trafik;</p> <p>iii) Kemudahan awam seperti sekolah dan rumah ibadat.</p> <p>Jabatan Perancangan Bandar diminta memaklumkan perkara tersebut kepada pemaju supaya mereka dapat memberikan maklum balas dalam mesyuarat akan datang bagi penetapan densiti.</p> <p>Jabatan Kejuruteraan diminta menjelaskan penambahbaikan yang perlu dibuat oleh pemaju dengan meletakkan syarat, perancangan pembinaan serta anggaran kos sebelum MBSJ mengeluarkan surat kebenaran kepada</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>pemaju.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar / Jabatan Kejuruteraan</p>
2.	Para 3 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam (Tokong) Untuk : Persatuan Buddhist Malaysia</p>	<p>Beliau memaklumkan bahawa pemajuan ini ditangguhkan dan satu perbincangan perlu dilaksanakan dengan pemaju. Namun, perjumpaan tersebut tidak dapat dilaksanakan disebabkan PKP.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa dari segi piawaian permohonan ini boleh ditolak kerana pemajuan ini tidak mematuhi Tempat Letak Kereta. Jabatan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Perancangan Bandar perlu menjelaskan kepada pemaju berkenaan perkara ini dan mereka perlu mengurangkan densiti atau menambahbaik Tempat Letak Kereta sebelum permohonan ini dipertimbangkan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2021 bertarikh 7 Mei 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2 & m/s 2	Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Laporan Pengurusan Aduan Jan-Mac 2021 oleh Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik	<p>Beliau memaklumkan bahawa statistik penyelesaian aduan yang diberikan ialah 100%. Namun, jika diteliti terdapat aduan yang tidak dapat diselesaikan sepenuhnya disebabkan masalah bajet. Beliau mencadangkan supaya penambahbaikan dilaksanakan dengan mewujudkan kategori penyelesaian aduan samada selesai penuh, melibatkan bajet dan lain-lain.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa kategori penyelesaian aduan telah dilaksanakan sebelum ini dan taklimat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>yang disampaikan tidak memberi penjelasan yang jelas berkenaan penyelesaian aduan mengikut kategori. Jabatan diminta membuat pembentangan penyelesaian aduan mengikut kategori penyelesaian aduan 24 jam, penyelesaian bertempoh dan kategori permintaan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</p>
2.	Para 5.3 & m/s 14	Encik Yap Kok Weng	Laporan Pemeriksaan Audit Susulan Terhadap Pengurusan Perolehan Rundingan Terus,	Beliau meminta laporan kemajuan projek cadangan menaiktaraf sistem saliran di sebahagian kawasan persiaran Puchong Jaya Selatan, Lebuhraya Damansara Puchong

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Perkhidmatan Perunding dan Pengurusan Projek di MBSJ	<p>(LDP), tempat letak kereta Pusat Perniagaan IOI dan Jalan Merbah 1, Bandar Puchong Jaya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam untuk makluman kepada ahli mesyuarat.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta Laporan Kemajuan bagi projek tersebut dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam akan datang.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
3.	Para 6.1 & m/s 15	Encik Yap Kok Weng	<i>Coring Test</i>	<p>Beliau meminta supaya Ahli Majlis kawasan dijemput untuk turut serta semasa melaksanakan <i>coring test</i>.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa prosedur sedia ada adalah mencukupi. Jemputan Ahli Majlis kawasan dibenarkan sebagai pemerhati sahaja dan tiada pembayaran elaun.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2021 bertarikh 10 Mei 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.1 & m/s 12	Encik Yap Kok Weng	Kertas Garis Panduan Penyediaan Tapak Perkuburan Islam dan Bukan Islam dan Pengeanaan Bayaran Caruman Wang Amanah Perkuburan, MBSJ 2021	Beliau memaklumkan bahawa garis panduan ini tidak dibentangkan dalam Mesyuarat Pre Council untuk dibincangkan dan inginkan penjelasan berkenaan tarikh kuatkuasa 1 Jun 2021 yang telah ditetapkan dalam Mesyuarat Kewangan. Keputusan Mesyuarat : Datuk Bandar meminta Kertas Garis Panduan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Penyediaan Tapak Perkuburan Islam dan Bukan Islam dan Pengenaan Bayaran Caruman Wang Amanah Perkuburan, MBSJ 2021 di e-melkan kepada semua Ahli Majlis untuk diteliti dan makluman.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

7.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.35 pagi.

Tarikh Disediakan : 27 Mei 2021

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR DI PEJABAT

- | | | | |
|-----|--|---|-------------------------|
| 1. | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik M.Anbarasan A/L Murugesu | - | " |
| 5. | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Puan Aniza binti Jamaludin | - | " |
| 7. | Encik Jestin Raj Savarimuthu | - | " |
| 8. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 9. | Encik Thomas Yew Sin | - | " |
| 10. | Encik Mohamad Kamil bin Harun | - | " |
| 11. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |

TURUT HADIR (AHLI MAJLIS)- ONLINE DI KEDIAMAN MASING-MASING

- | | | | |
|-----|---------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Chia Yew Ken | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | Ahli Majlis |
| 3. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - | ” |
| 4. | Puan Lee Jen Uyin | - | ” |
| 5. | Puan Ng Seow Chen | - | ” |
| 6. | Encik Thong Kim Fatt | - | ” |
| 7. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | ” |
| 8. | Encik Muhammad Khairil bin Khalid | - | ” |
| 9. | Encik Teh Eng Teck | - | ” |
| 10. | Encik Mohd Syafiq bin Mohamad Norizan | - | ” |
| 11. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | ” |
| 12. | Encik Kenneth Sam A/L Samintahan | - | ” |
| 13. | Encik Jaafar bin Mat Akid | - | ” |

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)- ONLINE DI PEJABAT MASING-
MASING**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N , P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
4. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Ts Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
11. Encik Muhammad Azli Bin. Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N , P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
14. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan

15. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
16. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
17. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
18. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. TPr.Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah,Jabatan Perancangan Bandar
21. Sr.Mohd Faudzi bin Nazaruddin,MRISM
Timbalan Pengarah,Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
22. Puan Nurul Ainaa Nabilah binti Ruslan
Penolong Pengarah,Jabatan Undang-undang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh - Ahli Majlis
2. TPr.Haji Ismail bin Muhammad,A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar - Pengarah
3. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang - Pengarah
4. Sr. Aida binti Omar, MRISM - Pengarah
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

URUSETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan